

17 JUN 2004

Mahathir-Umno

DR MAHATHIR NASIHAT ANGGOTA UMNO TIDAK AMAL POLITIK WANG

LANGKAWI, 17 Jun (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan semua anggota Umno yang berminat bertanding pada pemilihan bahagian yang bermula bulan depan supaya tidak mengamalkan politik wang dan gangsterisme.

Bekas Perdana Menteri itu berkata beliau berharap semua urusan politik sepanjang pemilihan bahagian itu dapat dilakukan dengan cara yang baik.

"Saya harap tidak berlaku politik wang dan apa yang saya dengar terdapat juga gangsterisme. Sama ada benar atau tidak perkara ini terjadi, saya harap tidak berlaku tuduh menuduh," katanya pada sidang media selepas menghadiri Dialog 2010 di Langkawi Lagoon Resort di sini.

Dialog sehari anjuran Kerajaan Negeri Kedah itu dihadiri Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, tokoh korporat, pemimpin kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan peringkat persekutuan dan negeri serta syarikat swasta.

Menjawab soalan mengenai hasrat anaknya, Mukhriz, yang ingin bertanding jawatan ketua pemuda Umno bahagian Kubang Pasu dan anggota jawatankuasa pemuda Umno pusat, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak ada kena mengena dengannya.

"Saya tidak tahu apa, bukan hal saya. Semasa jadi Perdana Menteri dahulu, saya tidak mahu anak-anak saya terlibat dalam politik bagi menjaga nama baik saya. La ni (ketika ini), dia (Mukhriz) punya masalahlah," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Dialog 2010 berjalan baik dan semua pihak seperti pegawai kerajaan, ahli politik, tokoh korporat dan syarikat swasta berjanji memberikan kerjasama serta komited dalam membantu Kedah mencapai taraf negeri maju menjelang 2010.

Beliau berkata pendekatan yang dicapai dalam dialog itu ialah semua proses birokrasi akan "diperincikan" dan dihalusi sebelum sesuatu

keputusan
atau kelulusan dibuat bagi membolehkan permohonan diproses dalam
masa
singkat.

Jika keputusan yang sepatutnya boleh diawalkan menjadi lewat,
pelabur
tidak akan datang melabur di Kedah, dan kita tidak mahu perkara ini
berlaku, katanya.

Selain itu, sekiranya sesuatu perusahaan itu didapati mempunyai
potensi
untuk berkembang maju serta mampu menjana pertumbuhan ekonomi,
kerajaan
negeri mungkin mengurangkan harga atau tidak mengenakan sebarang
bayaran
terhadap penjualan tanah, katanya.

Dr Mahathir berkata antara aspek lain yang akan diberi tumpuan
untuk
mencapai hasrat terbabit ialah pelancongan, perindustrian,
pengangkutan dan
pendidikan.

-- BERNAMA

MAN KHY PR